

Amaran untuk pegawai JAS

Kakitangan kena tindakan jika ugut pengadu

Oleh Hanisah Selamat

KUALA LUMPUR: Kakitangan atau pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang didapati mengugut pengadu supaya mendiamkan diri daripada melaporkan sebarang isu kepada pihak atasan akan dikenakan tindakan tegas.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata arahan bagi menghalang sebarang bentuk ugutan itu sudah dikemukakan kepada JAS kelmarin, berikutan aduan yang diterima daripada orang awam.

Azmi berkata, perkara berkenaan mendapat perhatiannya selepas menerima surat pada 11 Mei lalu daripada sebuah syarikat yang mendakwa didatangi seseorang, mengaku dirinya sebagai anggota JAS dan meminta wakil syarikat terbabit usah campur tangan.

“Kami tidak akan membiarkan perkara ini berleluasa. Kalau benar ada dikalangan anggota JAS yang didapati terbabit dalam perbuatan sebegini (ugutan), kami tidak akan teragak-agak mengenakan tindakan lebih tegas.

“Orang ramai juga tidak perlu takut untuk datang membuat sebarang laporan berkaitan kes pencemaran. Jangan khuatir kerana segala maklumat diri pengadu akan dirahsiakan. Kami mengalu-alukan kerjasama anda.

“Saya sendiri akan bertemu pengadu untuk mengetahui situasi sebenar dengan lebih terperinci. Kami tidak mahu kepercayaan orang ramai terhakis disebabkan perkara ini,” katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis makan tengah hari tahunan Dewan Perlombongan Malaysia, di sini, semalam.

Beliau yang mengakui ada kele-

mahan dari segi penguatkuasaan berkata, bagi mengatasi masalah itu, bilangan pegawai di beberapa lokasi yang dikenal pasti sebagai tempat kritikal akan ditambah seperti di Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang dan Melaka.

“Kami menyedari ada sesetengah kawasan memerlukan penguatkuasaan yang lebih. Hasil perbincangan kita akan menempatkan anggota di lokasi yang dirasakan memerlukan pengawasan tinggi. Namun kerjasama orang ramai dalam menyampaikan maklumat masih diperlukan,” katanya.

Sementara itu, kementeriannya meminta pihak yang ingin memulakan kerja melombong menyerahkan kertas cadangan lengkap termasuk kaedah mengembalikan semula flora dan fauna selain penggunaan semula tapak pelombongan dengan lebih berkesan.